

WAKTU BEKERJA ORDINAN BURUH (SARAWAK BAB 76)

45 JAM

Pengurangan waktu kerja biasa dan waktu kerja syif daripada 48 jam kepada 45 jam seminggu berkuatkuasa 1 Mei 2025

KAEDAH PELAKSANAAN



Mengurangkan waktu kerja harian dalam seminggu;



Mengurangkan waktu kerja dalam mana-mana hari dalam seminggu; atau



Mengurangkan waktu kerja mingguan daripada 6 hari kepada 5 hari bekerja



Waktu bekerja seminggu dikurangkan selaras dengan saranan Pertubuhan Buruh Antarabangsa melalui *Reduction of Hours of Work Recommendation, 1962* (No. 116) yang mengesyorkan negara-negara yang mengamalkan waktu bekerja 48 jam seminggu supaya mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan waktu kerja tersebut.



Majikan TIDAK BOLEH mengurangkan gaji pekerja berikutnya pelaksanaan waktu kerja yang tidak melebihi 45 jam seminggu kerana gaji pekerja merupakan syarat yang dipersetujui dalam kontrak perkhidmatan.



Pihak majikan BERTANGGUNGJAWAB membuat pindaan terhadap waktu kerja yang terdapat dalam kontrak perkhidmatan supaya ia selaras dengan pindaan Ordinan ini dan memberikan satu salinan pindaan tersebut kepada pekerja berkenaan.



Waktu bekerja 45 jam seminggu TIDAK TERMASUK waktu rehat dan pekerja bebas menggunakan masa dan pergerakannya dalam waktu rehat tersebut.



Bagi melaksanakan pengurangan waktu kerja daripada 48 jam seminggu kepada 45 jam seminggu, bolehkah majikan mengurangkan hari bekerja daripada 6 hari seminggu kepada 5 hari seminggu, dan menambahkan waktu bekerja 8 jam sehari kepada 9 jam sehari?

Boleh. Proviso di bawah seksyen 105(1) membolehkan bilangan jam kerja sehari dilanjutkan kepada 9 menerusi persetujuan bersama jika bilangan jam kerja satu atau lebih hari dalam seminggu kurang daripada 8.

Sekiranya majikan sedang mengamalkan 6 hari bekerja seminggu dan mengurangkan waktu kerja sehari daripada 8 jam kepada 7.5 jam selepas berkuat kuasa pindaan, adakah pengiraan "hourly rate of pay" dibahagi kepada 7.5?

Bagi pekerja yang dibayar gaji berdasarkan kadar ikut jam, bolehkah majikan membayar gaji sebanyak RM8.17 sejam atas sebab pindaan Ordinan belum dikuatkuasakan?



Ya, pengiraan "hourly rate of pay" dibahagi kepada 7.5 kerana waktu kerja biasa telah berubah. Takrif "hourly rate of pay" ertiannya kadar gaji biasa dibahagikan dengan waktu kerja biasa.

Tidak boleh. Kadar gaji yang dibayar oleh majikan kepada pekerja adalah dikawal oleh perintah gaji minimum, di mana Perintah Gaji Minimum 2024 menetapkan kadar gaji minimum untuk pekerja yang dibayar berdasarkan kadar gaji ikut jam adalah RM8.72 sejam.

Sekiranya majikan yang mengamalkan 6 hari bekerja seminggu mengurangkan waktu kerja sehari daripada 8 jam kepada 7.5 jam bagi memenuhi keperluan 45 jam waktu kerja seminggu, bagaimanakah pengiraan (ORP) dan (HRP) bagi tujuan bayaran kerja lebih masa?

Sekiranya majikan yang mengamalkan 6 hari bekerja seminggu mengekalkan waktu kerja sehari selama 8 jam (Isnin hingga Jumaat) dan mengurangkan waktu kerja sehari pada hari Sabtu kepada 5 jam bagi memenuhi keperluan 45 jam waktu kerja seminggu, bagaimanakah pengiraan (ORP) dan (HRP) bagi tujuan bayaran kerja lebih masa?

$$\text{ORP} = \text{Gaji Bulanan}/26 \quad \text{ORP} = \text{Ordinary Rate of Pay}$$

$$\text{HRP} = \text{ORP}/7.5 \text{ jam} \quad \text{HRP} = \text{Hourly Rate of Pay}$$



$$\text{ORP} = \text{Gaji Bulanan}/26 \quad \text{ORP} = \text{Ordinary Rate of Pay}$$

$$\text{HRP} = \text{ORP}/8 \text{ jam} \quad \text{HRP} = \text{Hourly Rate of Pay}$$

Sebelum Pindaan

Pengurangan waktu kerja 48 jam kepada 45 jam boleh dilaksanakan melalui cara berikut:

Contoh 1: Mengurangkan waktu kerja setiap hari dalam seminggu dengan waktu balik diawalkan.

Hari	Waktu Kerja	Bil. Jam	Waktu Rehat 12.00 tengah hari - 1.00 petang	Hari	Waktu Kerja	Bil. Jam
Isnin	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Isnin	8.00 pagi - 4.30 petang	7.5
Selasa	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Selasa	8.00 pagi - 4.30 petang	7.5
Rabu	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Rabu	8.00 pagi - 4.30 petang	7.5
Khamis	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Khamis	8.00 pagi - 4.30 petang	7.5
Jumaat	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Jumaat	8.00 pagi - 4.30 petang	7.5
Sabtu	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Sabtu	8.00 pagi - 4.30 petang	7.5
Ahad	Hari Rehat	-		Ahad	Hari Rehat	-
Jumlah jam kerja seminggu		48	Jumlah jam kerja seminggu		45	

Sebelum Pindaan

Contoh 2: Mengurangkan waktu bekerja dalam mana-mana hari dalam seminggu.

Hari	Waktu Kerja	Bil. Jam	Waktu Rehat 12.00 tengah hari - 1.00 petang	Hari	Waktu Kerja	Bil. Jam
Isnin	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Isnin	8.00 pagi - 5.00 petang	8
Selasa	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Selasa	8.00 pagi - 5.00 petang	8
Rabu	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Rabu	8.00 pagi - 5.00 petang	8
Khamis	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Khamis	8.00 pagi - 5.00 petang	8
Jumaat	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Jumaat	8.00 pagi - 5.00 petang	8
Sabtu	8.00 pagi - 5.00 petang	8		Sabtu	8.00 pagi - 1.00 petang	5
Ahad	Hari Rehat	-		Ahad	Hari Rehat	-
Jumlah jam kerja seminggu		48	Jumlah jam kerja seminggu		45	